

MIC mahu wakil dalam Kerajaan Perpaduan

Anwar sedia bincang isu dengan beberapa pemimpin parti

Oleh Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau akan mengkaji permintaan MIC supaya wakil daripada parti itu dapat diberikan peranan lebih besar dalam Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri berkata, beliau juga akan berbincang dengan Timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, serta beberapa pemimpin parti dalam Kerajaan Perpaduan berhubung perkara itu.

Berucap pada Perjumpaan Khas dengan pemimpin MIC di ibu pejabat parti itu, di sini semalam, Anwar mengakui tidak melihat sebarang masalah besar berhubung perkara itu.

Anwar bagaimanapun menegaskan beliau tidak akan mencampuri hal ehwal dalaman BN, tetapi percaya sebarang isu bangkit akan dapat diselesaikan dengan baik.

"Perlu saya ulangi, bahawa anda (MIC) menunjukkan keyakinan (terhadap Kerajaan Perpaduan) dan pastinya saya amat menghargainya.

"Saya sudah pergi ke serata negeri terutama di sebelah Pantai Barat, dalam setiap majlis



Anwar bersama Ahmad Zahid, Vigneswaran dan M Saravanan pada perjumpaan khas MIC bersama Perdana Menteri di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

yang saya sertai, saya lihat pemimpin MIC turut sama hadir beri komitmen serta penghormatan. Untuk itu, saya 'salute' anda," katanya.

Selain Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO, turut hadir dalam perjumpaan dihadiri kira-kira 500 pemimpin MIC itu termasuk Presidennya, Tan Sri SA Vigneswaran dan Timbalan, Datuk Seri M Saravanan.

Terdahulu, Vigneswaran melalui ucapannya pada pertemuan berkenaan membangkitkan beberapa isu yang mencetus rasa kurang senang parti itu, termasuk membabitkan kerusi pilihan raya serta jawatan dalam kerajaan serta syarikat bukan ke-

rajaan (GLC).

Anwar ketika mengulas perkara itu meminta semua pihak tidak bercakap soal jawatan, sebaliknya memberikan kepercayaan kepadanya berhubung kedudukan MIC dalam Kerajaan Perpaduan.

"Tidak perlu cakap soal jawatan. Kita perlukan wakil yang berkesan. Saya akan berbincang dengan rakan-rakan termasuk Zahid dan wakil parti. Saya rasa tidak ada kesukaran mengenainya," katanya.

Anwar mengakui menghargai sokongan diberikan MIC dan BN atas pembentukan Kerajaan Perpaduan, justeru menjadi tanggungjawab beliau sepenuhnya untuk membalas dan menghormati etnik India termasuk MIC

yang mewakili mereka.

"Seperti mana saya memberikan kepercayaan terhadap Vigneswaran, MIC juga perlu memberikan kepercayaan kepada saya," katanya.

Sementara itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan beliau mahu memberikan fokus kepada usaha menamatkan kemiskinan tegar di negara ini dan meminta diberikan masa setahun bagi memfokuskan usaha menghapuskan miskin tegar di negara ini.

"Saya sangat bersemangat untuk menyelesaikan masalah ini. Berdekad saya memperjuangkan isu kemiskinan. Sekarang saya sudah jadi Perdana Menteri, ia harus diterjemahkan," katanya.